

22 JAN 2003

DR MAHATHIR AKAN MENGHADIRI FORUM EKONOMI DUNIA DI DAVOS

KUALA LUMPUR, 22 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang kini dalam rangka lawatan rasmi ke Mesir, akan berada di Davos, Switzerland mulai esok hingga Sabtu bagi menghadiri Forum Ekonomi Dunia (WEF) ke-33.

Dalam satu kenyataan di sini, Wisma Putra berkata Dr Mahathir, yang ditemani Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali, dijangka mengambil bahagian dalam persidangan pleno bertajuk "Kepercayaan dan pentadbiran bagi era baru", "Bagaimana menentang keganasan akan merubah dunia" dan sesi interaktif bertajuk "Politik Islam dan ketidakpuashatian".

Tema WEF tahun ini ialah "Membina Kepercayaan" yang akan memfokus kepada menanam keyakinan di kalangan institusi awam dan korporat, ekoran rangkaian skandal korporat terutama di Amerika Syarikat beberapa tahun lepas.

Wisma Putra berkata persidangan tahunan itu menyediakan landasan kepada Perdana Menteri untuk menyuarakan pendirian Malaysia mengenai isu global seperti cabaran korporat, ekonomi global, pentadbiran global, keselamatan dan geopolitik.

Pada perhimpunan tidak rasmi para pemimpin ekonomi dunia itu, Dr Mahathir akan memberi penjelasan mengenai implikasi ekonomi dan geopolitik dalam menentang keganasan.

Perdana Menteri juga dijangka mengadakan mesyuarat dua hala dengan Presiden Kazakhstan, Nursultan Nazarbayev, Perdana Menteri Mongolia, Nambaryn Enkhbayar dan Perdana Menteri Ukraine, Victor Yanukovych.

-- BERNAMA

MFJ MFJ HM